

**Ambil langkah segera pastikan penyelesaian murid SK Taman Sungai Besi Indah, kata Najib**  
**The Malaysian Insider**  
**August 24, 2015**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengarahkan Kementerian Pendidikan mengambil beberapa langkah segera bagi membolehkan murid Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Sungai Besi Indah belajar dalam keadaan persekitaran yang kondusif dan selesa.

Najib tengah hari tadi melawat sekolah itu, yang kini ditempatkan buat sementara di kawasan perindustrian Sungai Besi.

Beliau antara lain mahu kementerian itu memastikan keadaan lebih selesa di setiap bilik termasuk perpustakaan.

"Kawasan lapang di pintu depan perlu dilitupi "awning" supaya murid-murid dapat mengadakan aktiviti luar bilik darjah serta memastikan mereka dilindungi daripada sinar matahari terik dan hujan," katanya dalam catatan di blognya, NajibRazak.com hari ini.

Selain itu, beliau mahu Kementerian Pendidikan memastikan tambahan bilik air bagi penyelesaian pelajar dan kakitangan sekolah.

"Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tan Sri Madinah Mohamad akan melaksanakan kesemua langkah berkenaan demi penyelesaian kakitangan dan murid.

"Beliau akan melaporkan status kemajuannya kepada saya sehingga selesai," kata Najib.

Media sebelum ini melaporkan sekolah asal itu didapati mengalami kerosakan teruk yang boleh mengancam keselamatan akibat projek perumahan berhampiran. – Bernama, 24 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ambil-langkah-segera-pastikan-keselesaian-murid-sk-taman-sungai-besi-indah-k>